

**Darurat di Tanah Melayu, 1948-1960:  
Strategi Parti Komunis Malaya (PKM) dan Pemerintah**

**RAHAMAT BIN ABU KASSIM**

Disertasi ini diserahkan untuk keperluan ijazah Sarjana Sastera  
di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang

April, 2008

## **PENGHARGAAN**

### **BISMILLAH IR RAHMANIRRAHIM:**

Syukur Alhamdullillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, penulis dapat menyiapkan disertasi ini dengan jayanya. Namun dorongan beberapa pihak memungkinkan disertasi ini disiapkan dan penulis telah banyak terhutang budi kepada pihak yang telah memberi sokongan dan kerjasama yang tiada ternilai harganya.

Penulis ingin merakamkan terima kasih kepada penyelia Profesor Dato' Dr. Abu Talib bin Ahmad yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia disertasi ini sehingga selesai. Dengan panduan, tunjuk ajar, bimbingan, galakan serta kritikan yang diberikan, disertasi ini dapat disiapkan sebagaimana yang dirancang. Sesungguhnya bimbingan dan teguran yang diberikan terutama sewaktu kuliah, telah memberikan keazaman kepada diri penulis untuk terus berjaya.

Tidak lupa rakaman terima kasih kepada semua tenaga pengajar Bahagian Sejarah Universiti Sains Malaysia, yang secara langsung dan tidak langsung telah menyumbang idea-idea bermas yang telah melicinkan penulisan disertasi ini. Penghargaan juga ditujukan kepada semua kakitangan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, staf Muzium Polis, Kuala Lumpur, staf Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, staf Perpustakaan Awam Daerah Kulim, Kedah dan semua staf Perpustakaan MRSM PDRM, Kulim kerana kemudahan penyelidikan dan kebenaran yang diberikan kepada penulis semasa melengkapkan bahan yang diperlukan untuk penyelidikan disertasi ini.

Penulis ingin merakamkan rasa terhutang budi buat isteri dan anak-anak atas sokongan moral yang tidak berbelah bagi di sepanjang tempoh menyiapkan disertasi ini. Selanjutnya penulis sampaikan ucapan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga, baik di pihak sendiri maupun isteri. Sokongan dan doa yang diberikan amat membantu penulis menyelesaikan disertasi ini.

Akhirnya, kepada mereka yang telah memberikan kerjasama dan galakan tetapi tidak disebutkan namanya, penulis tetap mengenang jasa baik yang telah diberikan. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membala segala kebaikan mereka.

## **JADUAL KANDUNGAN**

Penghargaan	ii	
Jadual Kandungan	iv	
Kependekan	vi	
Abstrak	vii	
Abstract	viii	
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>	
Sejarah Darurat dalam Penulisan Sejarah Malaysia	1	
Tujuan Kajian	11	
Metodologi Kajian	15	
Struktur kajian	16	
<b>BAB I</b>	<b>SEJARAH AWAL PKM DAN DARURAT, 1920-1951</b>	<b>18</b>
Kemunculan PKM di Tanah Melayu, 1920-1930	18	
PKM dan Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1941-1945	21	
Faktor Pemberontakan PKM, 1948	25	
Mengapa British Isytihar Darurat?	33	
Reaksi Awal British, 1948-1951	42	
<b>BAB II</b>	<b>KEUNGGULAN STRATEGI PKM, 1948-1951</b>	<b>46</b>
Kepimpinan	46	
Taktik Perang Gerila	52	
Keganasan (Terrorisme)	69	
Sokongan Rejimen Ke-10	73	

<b>BAB III</b>	<b>KEJAYAAN STRATEGI PEMERINTAH, 1948 -1955</b>	77
	Kampung Baru dan RIDA	80
	Propanganda dan Perang Saraf	90
	Hukuman Kolektif	99
	Operasi Ketenteraan	102
<b>BAB IV</b>	<b>PKM DITEWASKAN, 1951-1960</b>	113
	Strategi Tunku Abdul Rahman	113
	Strategi Tun Abdul Razak	131
	Elemen Ketenteraan	135
	Kelemahan di pihak PKM	140
<b>BAB V</b>	<b>KESIMPULAN</b>	146
<b>BIBLIOGRAFI</b>		152
<b>LAMPIRAN</b>		169

## **KEPENDEKAN**

AMDA	Anglo-Malayan Defence Agreement
ANM	Arkib Negara Malaysia
dlm.	Dalam
FELDA	Federal Land Development Authority
hlm.	Halaman
MBRAS	Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
MNLA	Malayan National Liberation Army
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
JMBRAS	Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
JSEAH	Journal of Southeast Asia History
PKM	Parti Komunis Malaya
PSM	Persatuan Sejarah Malaysia
PSP	Pasukan Senoi Praaq
PTM	Persekutuan Tanah Melayu
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
UM	Universiti Malaya
UMNO	United Malays National Organisation
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia

## **ABSTRAK**

### **DARURAT, 1948-1960**

#### **Strategi PKM dan Pemerintah di Tanah Melayu**

Kajian ini memberi tumpuan kepada peristiwa darurat di Tanah Melayu yang bermula pada tahun 1948 hingga tahun 1960. Penyelidikan ini mengupas tentang strategi PKM ketika berdepan dengan pemerintah yang juga mengaplikasikan pelbagai strategi untuk mengalahkan PKM di Tanah Melayu. Walaupun tidak mudah menghadapi segala kekuatan British yang mengepung dari laut, udara dan darat namun gerila PKM masih mampu memberi tentangan melalui taktik ‘perang gerila’. Walaupun ia tidak menjadi peperangan besar dan menyeluruh di Tanah Melayu tetapi ia cukup untuk ‘menghuruharakan’ pentadbiran British dan mencemaskan pemerintah sehingga menyebabkan setiap pemimpin semakin sibuk dengan strategi yang menggunakan pelbagai nama ‘operasi’ yang berubah mengikut masa dan tempat.

Darurat membuktikan bagaimana PKM yang begitu hebat bertempur dengan British di Tanah Melayu akhirnya kecundang akibat berlakunya pengkhianatan para anggotanya sendiri. Tambahan puja, British mengaplikasikan teknologi ketenteraan melalui penggunaan pesawat udara dan helikopter yang menyebabkan kekuatan PKM semakin lemah. Apatah lagi strategi Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak yang menjadikan komunis ‘musuh nombor satu negara’ menyebabkan kedudukan PKM seperti ‘cacing kepanasan’. PKM akhirnya terpaksa mengambil strategi ‘berundur’ ke Thailand bermula tahun 1954 iaitu tiga tahun sebelum Tanah Melayu beroleh kemerdekaan pada tahun 1957.

## **ABSTRACT**

### **Emergency in Malaya, 1948-1960: Malayan Communist Party (MCP) and Government Strategies**

This study focuses on the Malayan Emergency which started in 1948 and ended in 1960. This research analyses the strategy of The Malayan Communist Party (MCP) which faced a government that had applied various strategies to defeat the MCP. Although it was not easy for the MCP to neutralize British strength which had complete domination of the seas, land and air MCP guerillas managed to resist using guerilla warfare. In the process it managed to disrupt the British administration and caused alarm to the government. This led to the development of government strategies under various names to suit the particular time and place.

The Malayan Emergency shows that despite their fierce encounter with British troops the MCP was defeated due to the betrayal by its own numbers. The British also had applied high military technology including the use of aircraft and helicopters which the MCP did not possess. This is further buttressed by efforts of the Malayan government in making the MCP the number one public enemy. With worsening situation the MCP retreated to Thailand in 1954 three years Malaya achieved independence in 1957.

# MALAYAN EMERGENCY AREA OF OPERATION 1948-1960



Sumber: Muzium Polis, Kuala Lumpur.

## PENDAHULUAN

### Sejarah Darurat dalam Penulisan Sejarah Malaysia

Untuk mendapat gambaran awal mengenai persoalan darurat di Tanah Melayu, kajian ini telah membuat penyelidikan perpustakaan terhadap beberapa sumber sekunder untuk memperjelaskan lagi permasalahan. Sumber sekunder seperti buku, artikel dan tesis penting dalam membahas dan membuktikan keterangan dalam disertasi ini. Buku-buku yang digunakan adalah hasil tulisan para akademik, wartawan perang, bekas pegawai polis<sup>1</sup> dan tentera serta memoir bekas ahli PKM seperti Chin Peng, Rashid Maidin, Shamsiah Fakeh dan Abdullah C.D.

Namun tinjauan sumber ini bukanlah satu penyenaraian yang menyeluruh tentang sumber-sumber maklumat mengenai zaman Darurat di Tanah Melayu kerana hanya bahan-bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang diambilkira untuk kajian ini. Bahan-bahan dalam bahasa Cina dan bahasa asing yang lain tidak diambilkira. Pada keseluruhannya, bahan yang dapat dikesan, kebanyakannya kurang menonjolkan sumber-sumber yang ditulis oleh pengkaji tempatan dan kebanyakannya tulisan mengenai zaman darurat adalah hasil penyelidikan dan kajian orang Barat. Namun demikian, beberapa tahun kebelakangan ini telah muncul tulisan-tulisan dalam bahasa Melayu yang diusahakan oleh pengkaji-pengkaji tempatan.

---

<sup>1</sup> Bekas pegawai polis yang dimaksudkan ialah Dato' Mohd Pilus Yusoh, Dato' J.J. Raj, Dato' Seri Yuan Yuet Leng, Leong Chee Woh, R. Thambipillay, Roy Follows, Leon Comber dan John Slimming.

Buku awal yang dijadikan sandaran sumber adalah tulisan Victor Purcell.<sup>2</sup> Ia membicarakan secara menyeluruh mengenai zaman darurat dengan mengkaji latar belakang antarabangsa yang telah mempengaruhi perkembangan komunisme di Tanah Melayu dan diikuti dengan menjelaskan perjalanan zaman darurat dan bagaimana kerajaan bertindak mengatasi masalah itu. Purcell turut menghuraikan dasar dan propaganda yang telah diusahakan PKM dalam perjuangan mereka.

Anthony Short,<sup>3</sup> membicarakan secara komprehensif latar belakang sebelum bermulanya zaman darurat dan kempen kerajaan menentang komunis di Tanah Melayu antara 1948-1960 dengan menggunakan rekod-rekod terhad yang dibenarkan pihak berkuasa yang tidak diperoleh penyelidik lain. Bab-bab awal menghuraikan peranan penting yang dimainkan PKM sehingga pengisytiharan darurat pada Jun 1948 yang membawa kepada pengunduran PKM ke dalam hutan dan cubaan menjatuhkan kerajaan dengan menggunakan taktik perang gerila. Seterusnya, diterangkan langkah-langkah kerajaan yang telah berjaya membendung PKM antaranya Rancangan Briggs yang dijalankan oleh Sir Harold Briggs dan perang psikologi oleh Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British ketika itu.

Karya Harry Miller,<sup>4</sup> membicarakan perkembangan zaman darurat dari kacamata seorang wartawan tentang kejayaan dan kegagalan pasukan keselamatan yang terlibat dalam operasi menentang PKM serta memperihalkan pengorbanan anggota-anggota pasukan keselamatan yang terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan kesusahan di

---

<sup>2</sup> Victor Purcell, *Malaya: Communist or Free?* Stanford, Calif: Stanford University Press, 1954.

<sup>3</sup> Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya, 1948-1960*, London: Muller, 1975.

<sup>4</sup> Harry Miller, *Menace in Malaya*, London: G.G. Harrap, 1954 dan *Jungle War in Malaya: The Campaign against Communism, 1948-60*, London: Barker, 1972.

pedalaman. Namun demikian, menurut Miller, walaupun kerajaan telah berjaya menangkis pemberontakan bersenjata tersebut, PKM melalui saki-baki unit-unit yang masih aktif tetap meneruskan perjuangan mereka.

Hasil kajian Robert Jackson,<sup>5</sup> menjelaskan bagaimana British menentang perang gerila di Tanah Melayu dan konfrantasi dengan Indonesia di Borneo. Kajiannya menggunakan sumber-sumber dari Kementeraian Pertahanan British. Aspek perang dibincangkan secara terperinci berkaitan dengan peranan tentera udara sebagai sokongan. Menurutnya PKM gagal di Tanah Melayu kerana tidak mendapat bantuan tentera dan peralatan dari negara luar seperti Indonesia atau China. PKM juga dilihat terlibat dalam perang dan tempat yang salah kerana penduduk di Tanah Melayu majoritinya beragama Islam, tidak seperti perang di Vietnam yang mendapat sokongan penduduknya. Selain itu, beliau menganggap pemimpin PKM lemah, sistem komunikasi mudah disekat dan ideologi Mao gagal dilaksanakan.

Buku tulisan Malcolm Postgate<sup>6</sup> pula berdasarkan sumber-sumber dari Kementerian Pertahanan dan Arkib Tentera Udara British dengan fokus kajianya berkaitan dengan serangan udara yang melibatkan tentera Udara British, Australia dan Tanah Melayu. Keseluruhan aspek melibatkan kerjasama antara tentera darat, polis, laut dan tentera udara, termasuk penglibatan masyarakat setempat dan kerajaan. Baginya, kestabilan, keamanan dan kemajuan yang dikecapi adalah pengorbanan pihak-pihak di atas. Postgate juga

---

<sup>5</sup> Robert Jackson, *The Malayan Emergency: The Commonwealth's Wars 1948-1966*, London / New York, Routledge, 1991.

<sup>6</sup> Malcolm Postgate, *Operation Firedog: The Air Support in the Malayan Emergency 1948-1960*, London, HMSO, 1992.

menganggap darurat merupakan peristiwa penting dalam sejarah Asia Tenggara, ketenteraan British dan hubungan diplomatik antarabangsa.

Hasil tulisan Wahba<sup>7</sup> turut menyorot kembali rentetan sejarah darurat sehingga lahirnya Rundingan Baling dan dialog semasa rundingan selama empat sesi dari 28-29 Disember 1955. Wahba telah berjaya menghubungi pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dalam perjumpaan di Baling untuk memperkuatkannya lagi kesahihan fakta-fakta dan mendedahkan beberapa maklumat yang baru dan menarik tentang peristiwa-peristiwa semasa zaman darurat.

Hasil tulisan Peter Dennis dan Jeffrey Grey<sup>8</sup> menjelaskan peranan tentera udara Australia yang diundang sebagai '*forward defence*' di Tanah Melayu. Pengalaman menentang pihak Jepun 1942 diaplikasikan di Tanah Melayu antara 1950-1966. Bantuan tentera New Zealand dan Australia melalui '*patrol and ambush*' banyak membantu British di Tanah Melayu. Dengan itu, British dapat mengekalkan kuasa mereka di sini.

R. Thambipillay<sup>9</sup> pula menggunakan sumber yang telah dikumpul sejak 50 tahun yang lalu, baik sumber dalam atau luar negara selain sumber lisan dari kalangan bekas-bekas polis. Baginya "*Malayan Police Force*" memainkan peranan penting menentang PKM. Manakala buku tulisan Brian Stewart,<sup>10</sup> merupakan pengalaman peribadi sewaktu darurat di Tanah Melayu. Beliau melihat pengorbanan dan sumbangan pegawai-pegawai

<sup>7</sup> Wahba, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, Kuala Lumpur, Utusan Publications, 1985.

<sup>8</sup> Peter Dennis and Jeffrey Grey, *Emergency and Confrontation: Australia Military Operations in Malaya and Borneo 1950-1966*, Australia, Allen & Unwin Pty. Ltd., 1996.

<sup>9</sup> R. Thambipillay, *The Malayan Police Force in the Emergency 1948-1960*, Ipoh, Goodturn Hoover Trading, 2003.

<sup>10</sup> Brian Stewart, *Smashing Terrorism in the Malayan Emergency: The Vital Contribution of Police*, Selangor, Pelanduk Publication, 2004.

polis berpangkat rendah yang telah mengorbankan kehidupan mereka bagi menjamin kebebasan sewaktu darurat.

Setelah menyepi selama 15 tahun, nama Chin Peng kembali menggegarkan negara melalui memoirnya *Chin Peng: My Side of History*.<sup>11</sup> Buku itu dikarang dengan bantuan wartawan British Ian Ward dan isterinya Norma Mirafleur, hasil temu bual mereka dengan Chin Peng. Chin Peng memberitahu Ward, seorang koresponden *The Daily Telegraph* yang berpejabat di Singapura bahawa pendiriannya terhadap fahaman sosialis tidak pernah berubah walaupun dia telah meletakkan senjata hampir 15 tahun yang lalu.<sup>12</sup>

Menurut Chin Peng, buku ini bukan bertujuan untuk bercakap besar atau meminta maaf kepada mana-mana pihak tetapi satu pelawaan untuk memahami bagaimana kepercayaan dapat dibentuk dan bagaimana konflik bermula dan diperluas sehingga tidak dapat dikawal. Pada masa yang sama Ian Ward dan isterinya lebih prihatin terhadap elemen kemanusiaan dalam cerita darurat serta bagaimana kebenaran dikorbankan oleh propaganda kedua-kedua pihak yang terlibat dalam konflik. Justeru itu, Chin Peng menggariskan bagaimana PKM telah sabotaj dan ditindas oleh cawangan khas penjajah British selepas ia ditubuhkan; bagaimana parti itu telah bekerjasama dengan penjajah British melalui SOE (*Special Operation Executive*) dan SEAC (*South East Asia Command*) sewaktu pendudukan Jepun. Namun parti ini dianggap oleh British sebagai pengganas setelah darurat diisytharkan.

---

<sup>11</sup> Chin Peng, Ian Ward & Norma Mirafleur, *My Side of History*, Singapore, Media Masters, 2003.

<sup>12</sup> Lihat juga buku tulisan Brian Stewart, *Smashing Terrorism in the Malayan Emergency: The Vital Contribution of the Police*, Subang Jaya, Pelanduk Publication, 2004, hlm. 308.

Pengkaji terkini yang turut menyelidiki bidang ini ialah Ho Hui Ling yang menulis *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*.<sup>13</sup> Terdapat empat aspek utama yang menjadi tumpuan Ho iaitu kehidupan penduduk, hubungan kaum, pendidikan dan kemudahan asas. Beliau memaparkan kehidupan penduduk Tanah Melayu yang begitu sukar dan tidak terjamin pada zaman darurat. Penduduk hidup dalam kebimbangan dan ketakutan kerana keganasan boleh berlaku pada bila-bila masa, di mana sahaja dan pada sesiapa sahaja. Penelitian juga dilakukan terhadap pengaruh darurat kepada pembangunan dan penyediaan kemudahan asas di Tanah Melayu. Tulisan beliau memfokuskan kepada kesan darurat terhadap keadaan sosial di Tanah Melayu tetapi strategi perang PKM dan British semasa darurat telah diabaikan.

Memoir Rashid Maidin<sup>14</sup> menjelaskan penglibatannya dalam perjuangan bersama PKM melawan British demi kemerdekaan Tanah Melayu sejak tahun 1930-an. Memoir ini menceritakan sejarahnya sejak awal sehingga rundingan damai Hadyai 1989. Hasil tulisannya mendedahkan secara tidak langsung strategi PKM ketika berhadapan dengan British. Sementara itu, Mohamed Salleh Lamry<sup>15</sup> turut membincangkan gerakan politik kiri di Temerloh dan kisah hidup seorang tokoh yang memainkan peranan penting dalam gerakan politik kiri di tempat tersebut, iaitu Kamarulzaman Teh. Buku ini sekaligus memaparkan penglibatan aktif orang Melayu dengan perjuangan PKM, bukan sahaja sebagai ahli, tetapi sebagai kader dan pemimpin PKM. Malah mereka juga memainkan peranan mengatur strategi perang menghadapi British di Tanah Melayu.

---

<sup>13</sup> Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2004.

<sup>14</sup> Rashid Maidin, *Dari Perjuangan Bersenjata kepada Perdamian*, Kuala Lumpur, SIRD, 2005.

<sup>15</sup> Mohamaed Salleh Lamry, *Gerakan dan Tokoh Kiri: Kamarulzaman Teh dalam Kancang Perjuangan Kemerdekaan*, Petaling Jaya, SIRD, 2006.

Sebuah autobiografi yang ditulis oleh J.J. Raj<sup>16</sup> banyak menyentuh mengenai zaman darurat. Sebagai bekas pegawai polis beliau turut menyentuh tentang kehidupannya di zaman Jepun, pandangannya terhadap Sir Gerald Templer di zaman darurat dan penglibatannya dalam proses mendapatkan kemerdekaan.

Berdasarkan penelitian ke atas kajian-kajian berkaitan darurat (1948-1960) di Tanah Melayu, kebanyakannya menceritakan secara keseluruhan tentang perjalanan peristiwa tersebut. Tumpuan lebih diberi kepada sebab-musabab berlakunya darurat, kejayaan program kampung baru dan kesan ekonomi, sosial dan politik ke atas Tanah Melayu. Malah kebanyakan buku yang ditulis oleh penulis barat lebih menonjolkan peranan yang dimainkan oleh bangsa mereka sendiri. Peranan pemimpin tempatan terutamanya selepas kemerdekaan tidak diberikan penekanan secara khusus seolah-olah memberi gambaran bahawa darurat berjaya ditamatkan hanya oleh 'tangan-tangan' orang Barat.

Kajian penulis menunjukkan belum ada sebarang buku komprehensif yang khusus diarahkan kepada strategi dan taktik perang PKM dan pemerintah di Tanah Melayu. Sebahagian besar rencana, buku dan tesis yang ada hanya membincangkan tema ini dalam batas yang sangat umum dan sempit. Karya-karya tersebut hanya membincangkan langkah-langkah British mengatasi PKM secara khusus tanpa melihat penglibatan pemimpin-pemimpin Tanah Melayu sendiri sebagaimana yang dibincangkan dalam disertasi ini.

---

<sup>16</sup> J.J. Raj, *The Struggle for Malaysian Independence*, Kuala Lumpur, MPH Publishing, 2007.

Sebenarnya peristiwa darurat melibatkan tiga pihak iaitu PKM, British dan pemimpin tempatan. Jadi darurat merupakan perang di antara pihak British dan orang Melayu dengan PKM.<sup>17</sup> Peperangan itu boleh dimengertikan sebagai pertelingkahan yang terjadi kerana wujudnya konflik yang tidak boleh diatasi secara diplomasi. Fokus kajian disertasi ini ialah ke atas perang gerila<sup>18</sup> yang dilancarkan oleh PKM selama 12 tahun di Tanah Melayu. Kekuatan gerila PKM justeru terletak pada cara-cara gerilanya, iaitu muncul dan menghilang secara tiba-tiba sehingga menjadi kekuatan kepadanya dan menjadi kelemahan musuhnya. Oleh itu, faktor geografi Tanah Melayu banyak membantu perang gerila; hutan tebal dan tanah paya sesuai dijadikan tempat perlindungan, penduduk luar bandar yang ramai, kemudahan perhubungan antara kampung dengan kawasan bandar yang lemah dan adanya sempadan yang panjang dan tidak terkawal memudahkan penyeludupan barang serta senjata dari negara luar.

Ilham atau inspirasi dan ideologi gerila sebenarnya datang dari pemimpin komunis China, Mao Tse-tung, yang kemudiannya diperhalusi oleh Chin Peng. Beliau memanfaatkan pengalamannya bertempur dalam dua perang (menentang Jepun dan British) dan bertahun-tahun menjadikan hutan sebagai rumahnya bagi memacu gerakan perang gerila di kalangan rakyat, terutamanya orang Cina untuk menentang British. Dengan beliau sendiri mengepalai perang gerila, perang saraf dan juga menyediakan

<sup>17</sup> Walaupun perang tidak diisyiharkan secara rasmi di Tanah Melayu tetapi menurut Herbert Andrew, “*The Emergency in Malaya was not a war, it more worse than a war*”. Lihat Andrew, *Who Won the Malayan Emergency?* Singapore, Graham Brash, 1995, hlm.101. Manakala Stubbs, mengaitkan darurat dengan istilah ‘guerrilla war in Malaya’. Lihat, Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*, New York, Oxford University Press, 1989, hlm. 1.

<sup>18</sup> Untuk memahami perang gerila, lihat Samuel B. Griffith, (peny), *Mao Tse-tung on Guerrilla Warfare*, New York, Prasger, 1961; Che Guevara, *Guerrilla Warfare*, New York, Vintage Books, 1961; dan Djendral A.H. Nasution, *Pokok-pokok Gerilja*, Djakarta, Pembimbing Masa, 1964.

pelbagai manual gerak kerja perang gerila Chin Peng bolehlah dianggap perancang strategi perang gerila di Tanah Melayu.

Strategi ketenteraan yang digunakan oleh PKM dan British merupakan penyusunan kekuatan tentera dalam satu lingkungan operasi untuk menambahkan peluang kemenangan.<sup>19</sup> Arther Ferrill menyatakan bahawa strategi merupakan perancangan ketenteraan dalam hal ehwal peperangan sementara taktik merupakan cara-cara berperang dalam waktu pertempuran.<sup>20</sup> Strategi ketenteraan dirancang mengikut pertimbangan beberapa faktor seperti kedudukan tentera musuh, pangkalan yang harus dikuasai, keadaan muka bumi dan iklim, bilangan penduduk dan psikologi dan reaksi musuh serta kesan-kesan selepas sesuatu strategi itu dilaksanakan.<sup>21</sup>

Pembahasan berkaitan peperangan pula akan merujuk kepada penulisan Carl von Clausewitz yang terdapat dalam bukunya berjudul *On War*.<sup>22</sup> Menurutnya, tujuan penting peperangan adalah untuk mengalahkan pihak musuh; dan ini amat bergantung kepada tiga faktor iaitu pertama faktor fizikal iaitu keupayaan ketenteraan yang dirujuk sebagai faktor ‘C’, kedua faktor moral iaitu keazaman bagi menggunakan keupayaan ketenteraan tersebut yang disebut sebagai faktor ‘W’. Kedua-dua faktor ini merupakan faktor yang kritikal dan berkaitan serta bertanggungjawab bagi melahirkan keberkesanan peperangan. Keberkesanan peperangan dirujuk sebagai faktor ‘E’ dan dilihat juga sebagai faktor ketiga. Ketiga-tiga faktor ini dirumus secara mudah seperti berikut: E = C x W.

---

<sup>19</sup> W. J. Wood, *Leaders and Battles: The Art of Military Leadership*, Novato, Presidio Press, 1990, hlm. 312.

<sup>20</sup> Arther Ferril, *The Origins of War*, London, Thames and Hudson Ltd., 1985, hlm. 54.

<sup>21</sup> Encyclopedia Americana – International Edition, Vol. 25, Grolier Inc., Connecticut, 1984, hlm. 773.

<sup>22</sup> Carl von Clausewitz, *On War*, London, Penguin Book, 1968.

Berdasarkan kepada formula ringkas di atas, Clausewitz menghujahkan bahawa sekiranya faktor ‘C’ iaitu keupayaan (faktor fizikal) atau faktor ‘W’ iaitu keazaman (faktor moral) menurun, faktor ‘E’ iaitu keberkesanan juga akan merudum. British mahupun PKM akan kalah dalam perang sekiranya faktor ‘C’ atau ‘W’ menurun, lebih-lebih lagi apabila pihak lawan mempertingkatkan keupayaan dan keazaman mereka. Adakah sesuatu perang mengambil masa terlalu lama untuk ditamatkan sehingga boleh menyebabkan kemungkinan berlakunya kejatuhan moral dan semangat yang rendah di kalangan pihak PKM mahupun British. Begitu juga dengan sesuatu kempen perang yang terlalu berpanjangan mampu mengendur semangat juang anggota dan menyebabkan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh negara menjadi tidak seimbang.

Idea perang di atas, dikaitkan juga dengan konsep *deterrence* yang dertiakan sebagai melemahkan (semangat dan sebagainya), mencegah atau menghalang. Dalam konteks perang di Tanah Melayu, British atau PKM boleh melemahkan semangat, mencegah atau menghalang pihak musuh dari melebarkan pengaruhnya. Sekiranya ini berlaku, maka British atau PKM, akan memenangi perang tersebut. Dalam hal ini, Clausewitz menggunakan formula berikut :  $D = C \times W$  dengan (D) merujuk kepada *deterrence*, (C) keupayaan khususnya keupayaan fizikal dan (W) keazaman (yang bersifat moral). Kelemahan (C) dan (W) akan membawa kepada kelemahan (D) dan begitulah sebaliknya. Sekiranya tahap *deterrence* sesebuah pasukan itu tinggi, ini akan membantu membawa kemenangan kepada pasukan tersebut dan begitulah sebaliknya.

Memahami ciri-ciri *deterrence* ini mungkin dapat membantu kita melihat strategi yang digunakan oleh British atau PKM bagi memenangi perang di Tanah Melayu.

Prinsip pertama merujuk kepada massa. Ini bererti kemenangan peperangan amat ditentukan oleh bilangan tentera; lagi ramai tentera maka lebih cerah untuk memenangi peperangan. Prinsip kedua merujuk kepada elemen kejutan yang dicirikan oleh faktor kerahsiaan dan kecepatan. Ini bermakna tindakan yang diambil menyebabkan pihak lawan terpinga-pinga dan tidak sempat untuk menyerang balas. Dalam konteks ini, elemen kejutan biasanya dimainkan oleh British dengan menggunakan media cetak dan risalah. Ciri ketiga ialah penumpuan kekuatan iaitu memaksimakan kekuatan kolektif atau kesan darinya di tempat-tempat yang amat menentukan. Selain menjimat tenaga dan sumber; ia juga merupakan satu tindakan yang strategik. Pendekatan terfokus dan terpilih ini dikenali sebagai ‘targeting’. Pendekatan ini telah digunakan oleh PKM dengan merekrut Min Yuen dan Orang Asli, manakala British menggunakan kaedah penubuhan kampung baru. Ciri keempat dikenali sebagai ‘*economy of force*’. Secara mudahnya tiada pembaziran apabila sumber (kewangan dan tenaga kerja) terhad dan perlu dioptimakan berdasarkan keutamaan. Sebagai contoh, British telah mewujudkan kawasan ‘putih dan hitam’ bagi mengoptimakan pergerakan tenteranya untuk berhadapan dengan PKM, manakala PKM bertindak berundur ke sempadan Tanah Melayu-Thailand untuk mengembalikan semula kekuatan moral dan fizikal angkatan tenteranya.

### **Tujuan Kajian**

Peristiwa darurat merupakan suatu topik yang tidak putus-putus dibicarakan oleh pengkaji sejarah. Ia merupakan suatu zaman yang amat penting dalam sejarah kerana Tanah Melayu mula berhadapan dengan tindakan keganasan apabila PKM ingin

mendapatkan hak pemerintahan sendiri secara militan<sup>23</sup> untuk mendirikan Republik Komunis di Tanah Melayu.<sup>24</sup>

Dimulai dengan sebuah ultimatum (darurat)<sup>25</sup> British mula mengumumkan pernyataan perang terhadap PKM. Perang yang dilancarkan British itu disambut oleh PKM dengan melancarkan taktik perang gerila. Berhadapan fenomena sejarah itu, kajian ini cuba melihat strategi apakah yang digunakan oleh PKM ketika berhadapan dengan British sehingga memakan waktu yang lama? Adakah perang gerila itu membawa kerugian atau keuntungan kepada PKM atau sebaliknya? Adakah dengan menggunakan '*strategy for action or strategy for survival*' menguntungkan PKM atau British? Justeru, menjadi tujuan disertasi ini untuk mengkaji taktik dan strategi yang digunakan oleh PKM dan British. Ini kerana di peringkat awal darurat, British menganggap pemberontakan PKM ini sebagai satu masalah tentera. Pada masa itu, British menggunakan tentera dan polis untuk menyelesaikan pemberontakan. Apakah kegagalan awal itu menunjukkan British tidak dapat membaca strategi PKM yang bukan sahaja memberontak melalui ketenteraan tetapi juga membangkitkan soal politik, ekonomi dan kemasyarakatan? Aspek taktik dan strategi

---

<sup>23</sup> Menurut G. Allen, "strategi penganjur komunis adalah menggunakan taktik penyempit, menyempitkan rakyat di kelas pertengahan, antara dua lengan kancing." Satu lengan dari atas melalui aktiviti-aktiviti ekonomi dan intelek-intelek terpengaruh dengan Marxisme dan lengan kancing bawah merupakan aktiviti pemberontak, anti establishment, anti agama dan pemogokan untuk menggoncang kestabilan sistem kerajaan yang ada. Lihat, Gary Allen, *None Dare Call it Conspiracy*, California: Concord Press, Seal Beach, 1971, hlm. 124.

<sup>24</sup> PKM dan anggota-anggotanya tahu untuk apa mereka melancarkan keganasan di Tanah Melayu. Pergerakan mereka menunjukkan ciri-ciri moden seperti organisasi yang mantap, ideologi dan agitasi yang meliputi seluruh negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Mungkin Chin Peng memiliki pengetahuan politik yang diperlukan untuk membuat perancangan yang realistik seandainya Republik Komunis berjaya ditubuhkan di Tanah Melayu. Oleh kerana itu, beliau berjaya memanjangkan tempoh darurat dengan matlamat yang ingin dicapai oleh PKM.

<sup>25</sup> Sepanjang sejarah negara, kerajaan telah mengisyiharkan darurat sekurang-kurangnya lima kali iaitu bermula 18 Jun 1948 (pemberontakan komunis), 3 September 1964 (konfrantasi dengan Indonesia), 14 September 1966 (pertikaian politik di Sarawak), 13 Mei 1969 (rusuhan kaum) dan 8 November 1977 (pertikaian politik di Kelantan). Lihat, Mohd Foad Sakdan, *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*, Kuala Lumpur, DBP, 1997, hlm. 28-29.

ini akan menentukan langkah-langkah yang akan diambil oleh kedua-dua belah pihak sehingga tempoh darurat berlanjutan selama 12 tahun.

Dalam menjelaskan darurat, kajian ini tidak akan memfokus kepada satu faktor saja dan tidak pula akan disusun suatu daftar faktor-faktor yang menyebabkannya, tetapi semua faktor yang saling berkait secara dinamik akan ditinjau.<sup>26</sup> Kalau diperhatikan, darurat di Tanah Melayu dapat dibagi kepada beberapa fasa perancangnya yang saling bersentuhan. Fasa pertama dan kedua perancangnya adalah pegawai kolonial seperti Edward Gent , Sir Henry Gurney dan Sir Gerald Templer tetapi pada fasa transisi (bermula 1955) dan ketika Tanah Melayu telah merdeka (1957) pemimpin tempatan iaitu Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak pula yang terlibat. Begitu juga penglibatan berterusan Chin Peng dalam merancang strategi menentang British dan Kerajaan Perikatan.

Perancangan setiap fasa di atas memperlihatkan perbezaan corak kepimpinan dan strategi yang digunakan oleh setiap pemimpin. Oleh itu, betapapun berlaku perubahan kepimpinan di pihak British namun wibawa Chin Peng sebagai pemimpin PKM tetap diakui. Maka, Chin Peng berjaya memanjangkan tempoh darurat dengan mempelbagaikan taktik dan strategi perangnya terutama dengan melibatkan orang Melayu melalui penubuhan Rejimen Ke-10 dan berusaha membuat hubungan dengan negara China. Dalam perang yang semakin mencabar itu Chin Peng cukup waspada dengan bantuan dari penduduk tempatan dan juga bantuan dari luar negara.

---

<sup>26</sup> Eugene J. Meehan, *The Theory and Method of Political Analysis*, Homewood III : The Dorsey Press, 1967. hlm. 132, 146-7.

kepimpinan sehingga digantikan oleh Henry Gurney pada Oktober 1948. Pengganti berikutnya Gerald Templer berjaya melumpuhkan keganasan yang dilakukan oleh PKM. Beliau berjaya sebagai seorang '*policy engineer*' yang telah mengemukakan suatu '*policy science*' dengan mencari jawapan terhadap masalah-masalah politik berdasarkan pengetahuan ilmiah.<sup>27</sup> Jelaslah berbagai bentuk strategi dan dasar dijalankan oleh British untuk melemah dan seterusnya mematahkan kebangkitan PKM.<sup>28</sup> Ia memberi impak yang besar terhadap strategi PKM dan juga membawa pelbagai perubahan di Tanah Melayu.

Menariknya, walaupun PKM menggunakan seribu satu taktik bagi menghalau pihak British dari Tanah Melayu British tetap dapat bertahan dengan strategi dan tindakbalas yang tidak dijangkakan oleh PKM. Negara ini tidak runtuh walaupun berbagai bentuk keganasan dan sabotaj dilakukan oleh PKM untuk melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu. Bagaimanapun, berjuta-juta ringgit telah digunakan oleh kerajaan untuk menjalankan kempen mematahkan pemberontakan PKM dan menggagalkan kempen PKM untuk melumpuhkan jentera kerajaan. Tetapi yang paling uniknya tidak ada penduduk tempatan, apatah lagi orang Cina dan India yang menjadi pelarian ke negara lain atau kembali ke negara asal. Apa yang berlaku mereka hanya dipindahkan ke kampung baru yang disediakan oleh pihak British. Begitu juga, isu 'pembersihan etnik' terhadap orang Cina dan India tidak berlaku sepanjang 12 tahun darurat tersebut.

---

<sup>27</sup> 'Policy science' merupakan prosedur yang memungkinkan seseorang untuk menentukan secara teknik arah aksi terbaik yang patut diambil untuk melaksanakan suatu keputusan atau mencapai sesuatu tujuan. Lihat, Brian Fay, *Social Theory and Political Practice*, USA, Wesleyan University, 1975.

<sup>28</sup> British juga menggunakan kaedah propaganda untuk membentuk, mengawal dan mengubah sikap orang lain supaya sesuai dengan kehendak mereka. Lihat Terence H. Qualer, *Propaganda and Psychological Warfare*, New York, Random House, 1962, hlm. 27.

Pemilihan tahun 1948 sebagai skop awal perbincangan dibuat kerana dalam tahun tersebut Ordinan Darurat telah dikuatkuasakan di seluruh Tanah Melayu. Kajian ini pula diakhiri dengan tahun 1960 kerana pada tahun tersebut berakhirlah darurat yang berlaku selama 12 tahun dan 45 hari.<sup>29</sup> Ini bukan bererti perang tersebut telah tamat sepenuhnya. PKM telah mengaplikasikan strategi terakhirnya iaitu berundur ke negara Thailand dan 'insurgency' hanya ditamatkan pada 1989 dengan perjanjian Haatyai.

### **Metodologi Kajian**

Dalam menyempurnakan kajian ini, penulis berkunjung ke beberapa institusi bagi melakukan penelitian ke atas sumber-sumber yang diperlukan. Sebahagian besar sumber dan dokumen diperolehi di Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan sumber-sumber tambahan turut diperoleh di Arkib Negara Malaysia cawangan Pulau Pinang. Untuk mendapat maklumat berkaitan dengan isu taktik dan strategi PKM dan British, sumber pertama dan sekunder disemak untuk mengutip perkara-perkara yang bersangkutan dengan peristiwa tersebut.

Maklumat yang diperolehi melalui Arkib Negara Malaysia mengandungi penerbitan kerajaan, laporan penyelidikan, pembentangan seminar, buku-buku dan artikel dalam jurnal dan majalah, tesis pelajar universiti dan pelbagai sumber lagi sangat membantu penulis untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang berkaitan. Justeru, kajian disertasi ini dapat menghidangkan suasana baru kerana ia bukan sahaja bergantung kepada sumber rasmi tetapi juga sumber sekunder. Selain di Arkib Negara, penyelidikan turut

<sup>29</sup> Setelah PKM tidak lagi menjadi ancaman keselamatan negara, maka pada 19 April 1960, D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Agong, semasa bertitah di parliment, telah mengisytiharkan penamatan darurat di seluruh negara yang berkuatkuasa pada 31 Julai 1960. Dengan itu juga tamatlah pemberontakan pertama PKM di Tanah Melayu.

dijalankan di perpustakaan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **Struktur kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah dengan merekonstruksi dan memberikan analisis tentang berbagai tahap perubahan strategi PKM dan British serta pemimpin setempat terhadap ancaman PKM di Tanah Melayu sehingga berakhirnya darurat pada tahun 1960. Tahap-tahap bab dibuat berdasarkan period berikut; tahap awal darurat 1920-1951, tahap keunggulan strategi PKM, 1948-1952, tahap kejayaan strategi British, 1948-1955 dan peringkat PKM ditewaskan, 1955-1960.

Penulis sedar tentang masalah yang timbul dalam usaha untuk membahagikan sejarah darurat berdasarkan tempoh di atas. Namun, alasan utama untuk menggunakan kaedah tersebut ialah perlunya untuk menyusun dan menganalisis pelbagai faktor yang menentukan strategi British terhadap PKM dan sebaliknya. Garis pemisah yang digunakan pada setiap tempoh turut menampakkan elemen-elemen kesinambungan tertentu, di samping adanya strategi baru dalam tempoh tersebut. Periodisasi pada setiap bab akan membantu menerangkan perubahan strategi dan menempatkan perubahan tersebut pada konteks yang lebih jelas.

Kajian ini dibahagi kepada lima bab. Bahagian pendahuluan dimulakan dengan ulasan buku dan perbincangan tentang teori sejarah perang gerila yang dicetuskan oleh PKM. Perbincangan ini penting untuk membuktikan bahawa kajian sejarah perang terutama yang berkaitan dengan strategi peperangan belum banyak dikaji. Oleh itu, kajian

disertasi ini dapat menambahkan lagi apa yang telah dikaji oleh sejarawan sebelumnya dengan mengemukakan maklumat-maklumat baru dan sumber-sumber baru untuk menguatkan lagi kajian-kajian yang telah dibuat sebelum ini.

Bab satu membincangkan latar belakang PKM, pengisytiharan darurat dan mengapa British mengisytiharkan darurat pada tahun 1948. Perbincangan juga menyentuh reaksi awal British dalam menangani darurat sehingga tahun 1951. Bab dua pula akan menghuraikan fasa keunggulan strategi PKM, 1948- 1951. Tumpuan pada bab ini adalah kepada strategi perang gerila, kepimpinan dan organisasi PKM, sokongan massa dan logistik serta taktik keganasan yang digunakan oleh PKM. Bab tiga menghuraikan kejayaan strategi British dari tahun 1948 -1955. Fokus perbincangan memaparkan strategi yang dimainkan oleh Gurney, Briggs dan Templer ketika berdepan dengan strategi PKM. Perbincangan bukan sahaja difokus kepada peranan teknologi ketenteraan semata-mata tetapi juga merangkumi perang saraf British bagi melemahkan kedudukan gerila PKM. Bab empat pula membincangkan peringkat terakhir darurat, 1955-1960. Perbincangan bab ini agak menarik kerana strategi menghadapi PKM melibatkan pemimpin tempatan seperti Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak. Bab ini akan menjelaskan bagaimana PKM semakin lemah selepas Rundingan Baling dan akibat pembelotan ahli-ahlinya.

## BAB I

### SEJARAH AWAL PKM DAN DARURAT, 1920-1951

#### Kemunculan PKM di Tanah Melayu, 1920-30

Fahaman komunis mula disebarluaskan di Tanah Melayu pada awal tahun 1920-an.<sup>1</sup>

Perhatian serius telah ditunjukkan oleh Komintern melalui Parti Komunis China (PKC) untuk melebarkan pengaruh komunis di Tanah Melayu.<sup>2</sup> Suatu hakikat menarik tentang perkembangan ideologi komunis ialah peranan orang Cina suku Hailam<sup>3</sup> yang merupakan pendukung kuat iaitu lebih kurang 80 peratus daripada anasir komunis, di belakang gerakan sayap kiri. Harry Miller menyatakan suku Hailam begitu kuat berkecimpung dalam PKM kerana mereka mempunyai sifat rendah diri yang amat runcing.<sup>4</sup> Apa yang tidak disebut ialah faktor sejarah di negara mereka khususnya di pulau Hainan di mana perjuangan mereka dipengaruhi komunis adalah bertentangan sama sekali dengan perjuangan Dr. Sun Yat Sen. Dilaporkan bahawa Sun Yat Sen sanggup menggadaikan pulau Hainan kepada pihak Jepun untuk mendapat wang dan membeli alat senjata. Penyokong mereka telah datang ke Tanah Melayu bagi mendapatkan simpati melalui Kesatuan Hailam Seberang Laut yang ditubuhkan bagi tujuan mengutip derma. Oleh itu,

<sup>1</sup> Berita berkaitan ‘pemogokan dan organisasi buruh’ dari sumber negara China dan Rusia telah disebarluaskan oleh persatuan-persatuan sulit ke Tanah Melayu. Malah, Komintern melalui *South Seas Bureau* berjaya menghantar beberapa orang agen komunis ke Tanah Melayu bagi tujuan memperkembangkan pengaruh komunis khususnya di kalangan orang Cina. Lihat, Colonial Office 273/516, dlm. *Malayan Bulletin of Political Intelligence*, No. 2, April 1922.

<sup>2</sup> Comintern atau *Third International* dibentuk oleh Lenin yang berperanan sebagai organisasi professional revolusi yang bertindak mengkoordinasi, membantu dan mengarahkan pergerakan revolucioner kebangsaan. Kegagalan Parti Bolsheviks di Jerman dan Hungary tahun 1919 telah mendorong Lenin mengarahkan Comintern mengalihkan perhatian dari Eropah ke Asia.

<sup>3</sup> Suku Hailam dikenali sebagai *Hainanese* atau dikenali juga dengan gelaran lain seperti Kiung-chow, Keng-chew, Kheng Chow, Kheng Chiu, Kheng Jai dan Kiung Za. Mereka berasal dari pulau Hainan khususnya daerah-daerah Boon Siang, Kheng Soon, Kheng Tong dan Loke Huay. Kedatangan mereka ke Tanah Melayu semakin bertambah, misalnya pada tahun 1921 berjumlah 68,000, menjadi 97,000 tahun 1931 dan berjumlah 157,000 pada tahun 1947. Lihat, K.J. Ratnam, *Faham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press, 1969, hlm. 5.

<sup>4</sup> Dipetik dari Kassim Thukiman, *Malaysia: Perspektif, Sejarah dan Politik*, Skudai, Penerbit UTM, 2002, hlm. 108.

ramai di kalangan suku Hailam yang bekerja sebagai orang gaji, pelaut dan buruh di ladang-ladang getah telah bergerak dengan giat di Tanah Melayu untuk mengukuhkan pengaruh mereka.

Pengalaman politik ekstrimis Hailam tidak disia-siakan apabila sampai ke Tanah Melayu. Mereka terlibat dalam aktiviti dakyah dan propaganda dengan menjadikan cawangan-cawangan parti KMT yang wujud secara haram<sup>5</sup> dijadikan sarang kegiatan mereka. Pergerakan mereka melalui dua saluran iaitu ‘sekolah-sekolah malam’<sup>6</sup> dan badan-badan buruh<sup>7</sup> serta *guilds*. Sekolah-sekolah malam ini diadakan untuk orang-orang Cina dewasa yang bekerja di siang hari. Di sinilah perjuangan komunis disampaikan melalui ucapan, syarahan dan penerbitan risalah. Tujuannya ialah untuk mengeluarkan pelajar yang condong kepada aktiviti-aktiviti komunis serta mempunyai pandangan yang sinis terhadap British di Tanah Melayu.

Pergolakan politik di China sentiasa mempengaruhi politik orang Cina di Tanah Melayu. Apabila KMT ditubuhkan pada akhir penghujung tahun 1912 dan menerajui kerajaan Republik di China, maka parti itu turut menubuhkan cawangannya di Semenanjung.<sup>8</sup> Kegiatan politik di China semakin menarik dengan tertubuhnya PKC pada

<sup>5</sup> Kuomintang diharamkan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada penghujung tahun 1925. Manakala di Siingapura pendaftaran parti itu tidak dibenarkan sejak tahun 1913 lagi. Untuk mengetahui sejarah Kuomintang, rujuk C.F. Yong & R.B. McKenna, *The Kuomintang Movement in British Malaya, 1912-1949*, Singapore, Singapore University Press, 1990; Milorad M.D. dan Branko Lazitch, *The Comintern: Historical Highlights, Essays, Recollections, Documents*, New York, Frederick A. Praeger Publishers, 1966.

<sup>6</sup> Sekolah malam komunis yang pertama ditubuhkan ialah pada bulan Mac 1923 di Kuala Lumpur. Terdapat dua badan eksekutif komunis iaitu Sekolah Utama (*Main School*) dan Sekolah Menengah (*Middle School*) yang ahli-ahlinya diberi tugas memberi ceramah dan mengajar di sekolah-sekolah malam seluruh Tanah Melayu bagi menyebarkan idea komunis. Malah mereka turut dibantu oleh pakar-pakar yang didatangkan khas dari negeri China.

<sup>7</sup> Kesatuan Buruh Am Nanyang telah ditubuhkan pada Mei 1926 bagi menyebarkan dakyah dan propaganda bagi memburuk-burukkan British. Ia mempunyai hubungan dengan sebuah badan buruh Hailam di Hainan, *Kheng Ngai Revolutionary Alliance*.

<sup>8</sup> KMT bukanlah bertujuan menjadikan Tanah Melayu sebagai wilayah China yang kesembilan belas. KMT berbuat demikian kerana parti itu bergantung kepada orang Cina seberang laut untuk mendapatkan wang

tahun 1921. Malah pada tahun 1924 KMT pimpinan Sun Yat Sen bersatu dengan PKC bagi mewujudkan Barisan Bersatu (KMT-PKC). Komunis mula menjalankan pengaruhnya ke Tanah Melayu menerusi pergerakannya yang bertopengkan KMT.

Apabila Sun Yat Sen meninggal dunia pada 1925, keretakan dan perpecahan berlaku dalam Barisan Bersatu di China akibat konflik yang semakin hebat pada 1927 dan kesannya turut menjalar ke Tanah Melayu. Pada tahun 1927 satu rombongan seramai 5 orang dari PKC telah datang ke Tanah Melayu dan melalui bantuan wakil Komintern tempatan, sebuah parti komunis iaitu Parti Komunis Nanyang (*South Seas Communist Party*) telah ditubuhkan pada 1928 untuk menghimpun semua anasir sayap kiri yang sebelum ini menganggotai KMT.<sup>9</sup> Dengan itu, komunis di Tanah Melayu tidak lagi berselindung di belakang parti KMT serta cawangan-cawangannya di Tanah Melayu dan Singapura.

Kewujudan Parti Komunis Nanyang (PKN) telah membuka peluang kepada *komintern* untuk memperkuatkan lagi kedudukan pergerakan komunis di Tanah Melayu. Namun, PKN serta penglibatan organisasi-organisasi komunis yang lain hanya berjaya menarik minat sebahagian besar orang Cina sahaja. Penyertaan dari orang Melayu agak menghampaskan. PKN dianggap gagal memecahkan tembok monopoli orang Cina dalam pergerakan komunis di Tanah Melayu bermula tahun 1921 hingga tahun 1945. Ini menyebabkan Komintern merasakan amat mustahak diwujudkan sebuah parti baru bagi

---

selepas bermulanya Perang Sino-Jepun selain mengekalkan taat setia orang Cina seberang laut terhadap negara China. Mereka didakwa sebagai warganegara China. Lebih lanjut lihat, Mohd. Redhuan Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur, DBP, 1993, hlm. 4.

<sup>9</sup> Lihat, Mahmud Embong, "Perkembangan Awal Gerakan Komunis Tanah Melayu 1924-30", dlm. *Jebat*, No. 19, Journal Jabatan Sejarah, UKM, 1991, hlm. 57.

menggantikan PKN. Pada 30 April 1930, Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan dan PKM diarah supaya tidak menghadkan kegiatannya di kalangan orang Cina sahaja.<sup>10</sup>

Menjelang tahun 1931, PKM mengadakan '*Pan Malayan Cadres Meeting*' dan membuat ketetapan untuk meneruskan perjuangan pembebasan nasional melalui program ketenteraan bagi menggulingkan imperialis Barat dan aristokrasi feudal serta menegakkan sebuah Kerajaan Republik Soviet Malaya dengan kerjasama proletar dan petani.<sup>11</sup> Antara tahun 1934 dan 1935, PKM dengan usaha Loi Teck, telah berjaya menyusun, memperkuuh dan mengemas jentera parti dan disiplin parti. Di atas kebolehannya itu, Jawatankuasa Kerja Pusat PKM telah melantik Loi Teck sebagai Setiausaha Agung PKM pada tahun 1939.

### **PKM dan Pendudukan Jepun , 1941-1945**

Semasa Jepun menduduki Tanah Melayu PKM telah bertindak lebih agresif untuk menentang Jepun. Ini merupakan satu tindak balas daripada pihak PKM kerana Jepun pernah menyerang dan menduduki China mulai 7 Julai 1937. Pada waktu ini pelbagai usaha telah dilakukan oleh orang Cina di Tanah Melayu untuk memberi bantuan dan mempertahankan negaranya. Semangat nasionalisme di kalangan orang Cina di seberang

<sup>10</sup> Pelbagai langkah dan strategi diambil oleh Komintern agar pergerakan komunis di Tanah Melayu memperlihatkan corak gerakan yang bersifat kosmopolitan. Untuk melibatkan orang Melayu dalam gerakan komunis adalah melalui strategi bantuan kumpulan revolucioner komunis dari Indonesia. Kumpulan tersebut terbahagi kepada tiga iaitu pertama, terdiri daripada agen-agen Komintern seperti Darsono, Semaun, Tan Malaka dan Alimin yang beroperasi dari pusat-pusat seperti Moskow, Shanghai, Canton, Berlin dan Amsterdam; kedua, terdiri daripada agen-agen seperti Raden Selamat, Abdul Rahman dan Boedisjotro yang merupakan ahli PKI yang mlarikan diri daripada buruan Belanda dan datang ke Tanah Melayu sebelum dan selepas meletusnya revolusi komunis Indonesia (1926-1927); ketiga, terdiri daripada agen-agen seperti Sutan Jenain, Jamaludin Tamin dan Soebakat yang merupakan ahli PKI yang telah lama berada di Tanah Melayu dan Singapura. Di samping itu, pendekatan PKM yang lebih terbuka, tersusun dan terancang berjaya mempengaruhi segelintir orang Melayu terlibat bersama PKM sehingga membawa kepada penubuhan Jabatan Kerja Melayu (JKM) dan Rejimen Ke-10 di Temerloh, Pahang. Lebih lanjut baca tulisan Mahmud E, "Golongan Revolucioner Komunis Indonesia di Tanah Melayu dan Kesan Awal ke atas Pergerakan Komunis Melayu, 1924-1942," dlm. *Malaysia in History*, Bil. 32, Malaysia Historical Society, 2004, hlm. 89-103.

<sup>11</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press, 1971, hlm. 43.

laut amat kuat. Oleh demikian, Parti Komunis China (PKC) cuba mendapatkan sokongan dari orang Cina di Tanah Melayu untuk menentang Jepun.

Pendudukan Jepun secara tidak langsung membantu meluaskan pengaruh PKM di Tanah Melayu. Tindakan ganas Jepun terhadap orang Cina telah mendorong ramai orang Cina berundur ke pinggir-pinggir hutan dan ini memudahkan mereka dieksplotasi oleh PKM. Keadaan kelam kabut semasa Jepun menyerang dan meninggalkan Tanah Melayu dalam tahun 1941-42 dan 1945 juga penting bagi PKM kerana pada waktu itulah PKM paling banyak mengumpulkan senjata yang ditinggalkan askar British dan Jepun untuk digunakan selepas perang.

PKM telah mengadakan kerjasama dengan British berdasarkan ‘kerjasama ketenteraan’ bagi menghadapi musuh yang sama iaitu tentera Jepun. Langkah ini merapatkan mereka dengan pihak British. PKM kini dianggap sebagai sekutu British kerana perjuangannya selaras dengan strategi British untuk mempertahankan kepentingan ekonominya di rantau ini dari ancaman militarisme Jepun.<sup>12</sup> Malah pada satu peringkat PKM menyatakan dalam satu perhimpunan di Singapura kesediaan parti itu untuk bekerjasama dengan British mendirikan kerajaan demokrat di Tanah Melayu pada tahun 1945.<sup>13</sup> British kemudiannya telah menerima pelawaan PKM untuk membekalkan tenaga manusia bagi menghadapi kemaraan tentera Jepun. Oleh itu, pihak British bertindak menubuhkan *Special Operations Executive (SOE)* yang merupakan sebuah organisasi

---

<sup>12</sup> Vejai Balasubramaniam, *Politik Nasionalisme dan Federalisme di Malaysia*, Shah Alam, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1998, hlm. 81.

<sup>13</sup> *Utusan Melayu*, 8 November 1945.

perisikan yang berada di bawah *Ministry of Economic Warfare*.<sup>14</sup> Matlamat utama SOE ialah melatih agen-agen British untuk menubuhkan kumpulan-kumpulan kecil dalam menjalankan kegiatan sabotaj di kawasan musuh. Untuk itu, Leftenan Kolonel Alan Ferquesen Warren dihantar ke Singapura untuk menubuhkan pasukan gerila untuk menghalang angkatan Jepun menyerang Tanah Melayu.<sup>15</sup>

Organisasi SOE di Singapura dikenali sebagai *Orient Mission* yang diterajui oleh Val St. John Killery. Orang Cina tempatan menyertai *Orient Mission* kerana sentimen anti-Jepun setelah Jepun menyerang negara China.<sup>16</sup> Di 101 Special Training School (STS), PKM telah mempelopori sebuah badan ketenteraan yang dikenali sebagai *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) yang ditubuhkan dengan bantuan British. Anggota PKM telah dilatih menggunakan senjata-senjata kecil, bahan letupan, alat wayerless dan belayar dalam berbagai jenis perahu.<sup>17</sup> Sokongan ketenteraan juga diperoleh dari PKC dari segi pola latihan dan taktiknya mengikuti pola dan taktik tentera komunis China yang dikenali dengan Tentera Kedelapan (*Balujun*) dan Tentera Keempat Baru (*Xinsijun*).

MPAJA bergerak dengan bantuan *Malayan People's Anti-Japanese Union* (MPAJU)<sup>18</sup> untuk mendapatkan sokongan penduduk Tanah Melayu. MPAJA beroperasi di

<sup>14</sup> Sebelum tahun 1939 terdapat empat badan perisik yang telah ditubuhkan oleh British iaitu i. *Secret Intelligence Service* ii. *The Security Service* iii. *Military Intelligence Directorate* dan iv. *Naval Intelligence Division*.

<sup>15</sup> Richard Gough, *Special Operation Executive Singapore, 1941-1942*, Singapore, Heinemann Asia, 1987, hlm. 13.

<sup>16</sup> Pemerintah Singapura menolak cadangan Warren mengambil orang Cina mendapat latihan di 101 STS di sebuah banglo di Tanjung Balai kerana mogok dan huru-hara yang pernah dilakukan oleh mereka di Singapura. Tambahan pula bekalan senjata api dikhuatir akan membahayakan keselamatan negara.

<sup>17</sup> Berkaitan dengan latihan STS lihat, Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict and After the Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*, Singapore, Singapore University Press, 1983, hlm.59-60.

<sup>18</sup> Keahlian MPAJU terbuka kepada semua bangsa dan tidak terhad kepada orang Cina sahaja. Malah mereka tidak semestinya berfahaman komunis. Mereka hendaklah sentiasa berhubungan dengan PKM dan MPAJA di kawasan masing-masing bagi membantu operasi ketenteraan MPAJA. Lihat, Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya ...* hlm. 64-68.

hutan, manakala MPAJU beroperasi di bandar yang dikuasai oleh tentera Jepun. Dengan itu, ia bertepatan dengan strategi dua mata Mao Tze-tung iaitu menjalankan perjuangan bersenjata di hutan dan perjuangan subversif serta penyusupan di kawasan yang dikuasai musuh.<sup>19</sup>

Pendudukan Jepun memberikan rahmat tersembunyi kepada PKM kerana mendapat pengalaman berperang secara gerila dengan bantuan British. Ia merupakan suatu ‘*period of material and psychological preparation*’ bagi PKM.<sup>20</sup> PKM juga berjaya memperluaskan pengaruhnya di kalangan rakyat apabila lebih ramai lagi masyarakat Cina bergabung dengan parti itu atau paling tidak turut serta menyokong dasar dan programnya.<sup>21</sup> Justeru, apabila British kembali ke Tanah Melayu, kedudukan PKM semakin mantap dalam semua segi berbanding zaman sebelum perang. Wujudnya kekosongan politik dan ketenteraan di Tanah Melayu selepas penyerahan tentera Jepun telah dimanipulasi oleh PKM. Gerila-gerila MPAJA tidak mensia-siakan kesempatan yang ada, namun mereka ‘bukan merampas kuasa’ tetapi melakukan adegan membalas dendam. Lebih kurang dua minggu di antara masa penyerahan Jepun dengan ketibaan Pentadbiran Tentera British (BMA), MPAJA telah melaksanakan pemerintahan seolah-olah rejim komunis berkuasa sepenuhnya.<sup>22</sup>

<sup>19</sup> Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2004, hlm. 10.

<sup>20</sup> A. Short, “Emergency in Malaya”, dlm Wang Gung Wu (ed.), *Malaysia: A Survey*, New York, Frederick A. Praeger, 1965, hlm. 151.

<sup>21</sup> Abdullah Dahana, *China dan Malaysia dalam Arena Perang Dingin 1949-1974*, Bangi, Penerbit UKM, 2002, hlm. 65.

<sup>22</sup> Tindak laku MPAJA dengan pelbagai siri pembunuhan, kewujudan mahkamah ‘Kangaroo’ yang berat sebelah, merampas geran tanah dan penghinaan terhadap institusi masjid akhirnya menimbulkan pertentangan dengan orang Melayu. Anehnya, PKM yang diketahui umum bercita-cita merampas kuasa, tidak diharamkan dan darurat tidak diisyitiharkan oleh British setelah ketibaan BMA pada penghujung bulan September 1945, walaupun suasana politik amat tegang dan rakyat sedang berbunuh-bunuhan. Lihat, Abdul Rahman Ismail, *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*, Kuala Lumpur, DBP, 2005, hlm. 318.; Mohd Kasri Saidon, “Sepintas lalu Kedah di Awal Kembalinya British, 1945-1948,” dalam *CETERA*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, Jilid 13, Sept. 2006, hlm. 149-152.